

CNS7481

U PB 06-02 00167 BA394

BAH

Mahathir - USNO

BN AKAN PECAH USNO JIKA BEKERJASAMA DENGAN PBS

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- USNO akan dipecah daripada Barisan Nasional jika ia bekerjasama dengan Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk membentuk kerajaan campuran, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

"Kalau dia buat begitu, dia akan keluar daripada Barisan Nasional... mereka akan dipecah," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO, di sini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika mengulas laporan utama muka depan sebuah akhbar hari ini yang memetik sumber-sumber sebagai berkata bahawa para pemimpin USNO dan PBS telah bermesyuarat mengenai kemungkinan menubuhkan kerajaan campuran negeri.

Dr Mahathir berkata, laporan itu merupakan antara dua perkara yang dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi itu selain daripada perkembangan mengenai pindaan perlembagaan meniadakan imuniti raja.

UMNO tidak mendapat maklumat yang sahih berhubung laporan berkenaan dan oleh itu tidak membuat apa-apa keputusan mengenainya, kata Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO dan Pengerusi BN. -- Lagi.

06/02/15-54MST

CNS7495

U PB 06-02 00165 BA398

BAH

Mahathir - USNO 2 Kuala Lumpur

UMNO, yang genap dua tahun bertapak di Sabah pada 21 Feb ini, serta USNO, Angkatan Keadilan Rakyat (AKAR) dan Parti Liberal Demokratik (LDP) merupakan anggota-anggota komponen BN di negeri itu.

Ketika menjawab soalan, Dr Mahathir berkata, ada kalangan anggota dewan undangan negeri USNO telah beberapa kali menyatakan rasa tidak senang hati mereka kerana mereka tidak boleh menyertai UMNO sebagai anggota.

"Kita telah jelaskan kepada mereka bahawa kalau mereka jadi ahli UMNO maka undang-undang (negeri itu) yang ada sekarang akan menyebabkan mereka gugur daripada menjadi ahli dewan dan kita terpaksa mengadakan pilihan raya kecil," katanya.

USNO mempunyai 11 anggota di dewan undangan negeri itu manakala PBS mempunyai 42 anggota termasuk enam anggota dilantik.

UMNO pula mempunyai anggota tunggal di dewan itu iaitu bekas Presiden USNO, Tun Datu Mustapha Datu Harun yang terpilih semula mewakili kawasan Usukan selepas undang-undang negeri itu memaksanya mengosongkan kerusi berkenaan apabila menyertai UMNO. -- Lagi.

♥06/02/16-11MST

CNS7510

U PB 06-02 00162 BA401

BAH

Mahathir - USNO 3 Kuala Lumpur

Datu Mustapha, yang merupakan Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Sabah dan anggota Majlis Tertinggi UMNO yang dilantik, tidak hadir pada mesyuarat Majlis Tertinggi hari ini atas sebab kesihatan.

Belliau telah mencabar peruntukan dalam undang-undang negeri itu yang memaksa seseorang anggota dewan undangan negeri supaya mengosongkan kerusinya apabila berpindah parti tetapi mahkamah belum membuat keputusan.

Dr Mahathir berkata, disebabkan undang-undang itulah, UMNO telah menasihati anggota-anggota dewan undangan negeri dari USNO supaya tidak menyertai UMNO.

"Bukan kerana kita tidak hendak mereka menyertai UMNO tapi kerana undang-undang di Sabah yang tidak membenarkan mereka menyertai UMNO jika mereka ingin kekal sebagai wakil rakyat," katanya.

Ketika menjawab soalan, sama ada terdapat rungutan bahawa ketua bahagian UMNO di negeri itu lebih berkuasa daripada anggota-anggota dewan undangan negeri dari USNO, Dr Mahathir berkata, keadaan itu tidak mungkin berlaku.

"Tidak mungkin Ketua Bahagian UMNO lebih berkuasa tetapi mungkin lebih berpengaruh," katanya. -- Lagi.

♥06/02/16-28MST

CNS7520

U PB 06-02 00078 BA402

BAH

Mahathir - USNO 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mohamed Rahmat berkata, banyak yang telah diperkatakan mengenai USNO dengan PBS. Sekiranya perkara itu benar, USNO pasti menghadapi padahnya.

Katanya, beliau tahu PBS berusaha keras untuk bekerjasama dengan USNO bagi mengelakkan pilihan raya negeri.

"Saya fikir PBS belum begitu bersedia menghadapi pilihan raya negeri pada ketika itu dan satu cara mengatasinya ialah bekerjasama dengan USNO," katanya. -- Bernama.

♥06/02/16-45MST